

ETIKA PERUBATAN DARI PERSPEKTIF ISLAM: SATU ANALISIS LITERATUR DARI SUDUT MENGHORMATI HAK-HAK PESAKIT

*(Medical Ethics from an Islamic Perspective:
A Literature Analysis from the Perspective of Respecting
the Rights of Patients)*

Hasan bin Ahmad¹ & Khosenulhan bin Ab Rahman²

¹ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah.

hasanahmad@umpsa.edu.my

² Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah.

senumaster@gmail.com

ABSTRAK

Hak pesakit sewajarnya selalu dilindungi dan dihormati ketika mereka menjalani rawatan di pusat perubatan sama ada di klinik mahupun di hospital. Layanan yang baik seperti berkomunikasi dengan lemah-lembut dan mesra serta memelihara amalan agama pesakit perlu diutamakan. Ini bagi menjaga sensitiviti mereka untuk mendapatkan rawatan yang terbaik dan tulus tanpa mengira status sosial atau keturunan mereka. Namun, dalam situasi lain, hak-hak pesakit didapati terabai oleh sesetengah agensi perubatan. Kegagalan menjaga hak-hak pesakit menyalahi etika perubatan menurut perspektif syariat Islam. Oleh itu, satu analisis berasaskan kaedah kajian kepustakaan akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan. Hasil kajian menunjukkan bahawa hak-hak pesakit sentiasa mendapat perhatian pegawai perubatan dan pengurusan pusat perubatan. Antara hak-hak pesakit yang diberikan perhatian

ialah layanan yang baik, menerima pandangan atau cadangan dan mematuhi sensitiviti agama pesakit. Justeru, pusat perubatan harus sentiasa memberi keutamaan kepada keperluan pesakit kerana ia merupakan satu kewajipan yang bertepatan etika perubatan dan syariat Islam.

Kata kunci: Hak pesakit, etika perubatan, perubatan Islam, pusat perubatan

ABSTRACT

Patients' rights should always be protected and respected when they undergo treatment in medical centres, whether in clinics or hospitals. Good treatment such as communicating gently and friendly, and preserving the patient's religious practices should be prioritised. This protects their comfort to get the best and most sincere treatment regardless of their social status or descent. However, in other situations, some medical agencies neglect the rights of patients. Failure to protect the rights of patients is a violation of medical ethics according to the perspective of Islamic Sharia, therefore an analysis based on library research methods will be used to gather relevant information and then analysed using inductive methods to obtain a conclusion. The results of the study show that the patients have the right to always receive the attention of medical officers and medical centre management. Among the patient's rights are good treatment, accepting views or suggestions, and complying with the religious sensitivity of the patient. Therefore, the medical centre should always give priority to the patient's needs because it is an obligation that coincides with medical ethics and Islamic Sharia.

Keywords: *Patient rights, medical ethics, Islamic ethics, medical centre*

PENGENALAN

Etika perubatan ditakrifkan sebagai, 'prinsip-prinsip yang melibatkan kelakuan profesional mengenai hak dan kewajipan doktor, pesakit, rakan doktor, dan tindakan doktor dalam penjagaan terhadap pesakit (Miller-Keane Ensiklopedia, 2003). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa aspek konstruk etika ini merupakan sebahagian daripada kod amalan yang boleh mengawal tingkah laku profesional dan semua individu yang terlibat dalam industri penjagaan kesihatan (Ghalia, B., Amanullah, M., & Muhsin, S. M. 2018). Isu etika telah mendapat perhatian kritikal kerana ia merupakan prinsip yang menggunakan terminologi dengan menggunakan aplikasi perubatan. Kod etika perubatan dikaitkan juga dengan undang-undang asas dan memerlukan usaha intelektual serta “ijtihad” daripada para doktor dalam melakukan sesuatu tindakan yang bermanfaat kepada pesakit (Kasule, 2002) Etika perubatan mempunyai empat prinsip yang membentuk asas etika amalan perubatan, iaitu autonomi, keadilan, kebaikan, dan mengelakkan kecuaiian (Jatana, S. K., Soe, H. H. K., & Than, N. N. 2018).

Sehubungan itu, Nawi, M., & Ngah, A. C. (2011) menyatakan bahawa jika dilihat kepada peranan etika perubatan Islam, ia didapati berfungsi sebagai penambahbaikan terhadap skop kelakuan dalam kalangan pengamal perubatan dengan memasukkan peruntukan khusus mengenai keizinan, caperon dan kerahsiaan. Peruntukan tersebut menurutnya boleh mengisi kelompangan kod dalam mengatasi masalah kelemahan perkhidmatan dalam kalangan doktor. Selanjutnya, syariat Islam telah membuktikan bahawa etika perubatan Islam menitikberatkan tanggungan pengamal perubatan dengan mengurangkan masalah dalam perkhidmatan perubatan.

Justeru, etika Islam merupakan prinsip moral atau nilai-nilai akhlak, adat, sopan santun dan sebagainya yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesebuah kumpulan manusia. Menurut *Al-Munazzamah al-Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-Ulum* (1989), prinsip tersebut diakui oleh Dr. Munir Husayn Fawzi (1982) bahawa apabila seorang doktor merawat pesakit

dengan berhikmah dan sentiasa menasihati pesakit, menggembirakan mereka, tidak mendatangkan keduakaan, berwajah manis penyayang dan mengharapakan pemeliharaan Allah SWT ketika merawat mereka akan melahirkan kegembiraan dan ketenangan kepada pesakit.

Dalam konteks memelihara keperluan pesakit, Khan et al. (2002) menyatakan bahawa doktor perlulah meletakkan kepentingan pesakit dan menghormati hak-hak pesakit terlebih dahulu supaya mereka terlibat sepenuhnya dalam membuat keputusan mengenai penjagaan kesihatan mereka. Seorang doktor pada masa yang sama haruslah memberikan maklumat tentang pilihan rawatan yang ada berdasarkan penyakit yang dihadapi oleh pesakit tersebut (Ai Theng et al. 2016). Maklumat yang diberikan juga haruslah berdasarkan sejarah rawatan perubatan pesakit dan pilihan rawatan yang ada termasuklah pemantauan terhadap penyakit, kesan-kesan sampingan yang ada, komplikasi bagi pilihan rawatan tersebut dan kos yang terlibat (Ai Theng et al. 2016). Justeru, tujuan artikel ini adalah untuk menerangkan tentang proses hak-hak persetujuan pesakit dalam istilah klinikal praktikal dan untuk mengambil perhatian dari segi persoalan bila dan bagaimana ia perlu difahami.

TINJAUAN LITERATUR

Etika perkhidmatan merujuk kepada sejumlah nilai, kepercayaan, keinginan dan matlamat yang dibawa oleh seseorang ke tempat kerjanya (Clarke, 1983). Ia juga merupakan suatu tanggungjawab moral yang memerlukan kerja kuat dan usaha gigih bagi menghadapi semua cabaran dan halangan (Rodgers, 1978). Merujuk kepada etika perubatan, setiap pesakit berhak menentukan apa yang mereka mahu atau tidak mahu dilakukan ke atas tubuh badan mereka. Tindakan pesakit yang membuat keputusan sama ada untuk meninggalkan rawatan atau meneruskan rawatan perubatan akan memberi kesan secara langsung kepada hak mereka untuk kekal hidup atau tidak. Menurut Soh, M. C., & Tumin, M. (2017), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menjelaskan bahawa keizinan pesakit menjadi

faktor penting sama ada doktor dibenarkan meneruskan rawatan perubatan terhadap pesakit atau tidak. Hal ini demikian kerana hak pesakit harus selalu dilindungi dan dihormati ketika mereka menjalani rawatan. Pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan rawatan terbaik dan maklumat yang sah sebelum membuat keputusan untuk menerima rawatan.

Ini bermaksud pesakit mempunyai hak terhadap undang-undang *Tort* dan elemen hak pesakit dari sudut bukan perundangan (Zahir, M. Z. M., Rahman, Z. A. 2019). Prosedur untuk memberi persetujuan adalah sebagai usaha untuk memastikan penghormatan terhadap autonomi pesakit. Persetujuan daripada pesakit tertakluk kepada situasi dan pelbagai sebab, antaranya ialah; (a) proses rawatan diperlukan segera kerana kesuntukan masa untuk menjelaskan faedah dan risiko kepada pesakit; (b) pesakit mungkin separuh sedar atau dalam keadaan cemas; (c) keadaan klinikal semakin parah dan berbahaya serta perlu membuat keputusan segera. Walaupun persetujuan telah diperolehi untuk melakukan prosedur yang sedia ada, namun ia masih memerlukan keputusan yang memihak kepada kedua-dua pihak, O. H. (2011). Hal ini demikian kerana doktor tidak boleh berbuat apa-apa jika pesakit membuat keputusan untuk meninggalkan pusat rawatan tanpa nasihat perubatan dan situasi ini kadangkala timbul dalam bilik kecemasan (Ibrahim Al Ayed (2009).

Dalam konteks warganegara Malaysia, pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan melalui peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 Perkara Bahagian II pada Perkara 5, 6, 7, 8, 9, 10 serta Perkara 11 (Perkara 5-13). Dalam hak untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik, pesakit tidak hanya memerlukan rawatan profesional, tetapi juga harus mendapatkan perkhidmatan yang melibatkan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan yang sempurna. Justeru, sikap profesional seseorang doktor perubatan sangat diharapkan. Sikap seperti memberi layanan mesra serta komunikasi dengan ramah dan berhemah, berusaha menyelamatkan dan mempertahankan nyawa pesakit ialah tugas yang perlu sentiasa dalam fikiran mereka. (Deuraseh, N., & Nordin, F. N. M. N. B. 2017).

Perkara ini menjadi aspek penting bahawasanya seorang doktor semestinya jujur ketika bercakap, menulis laporan (*medical report*) dan memberi keterangan dalam laporan (*medical report*) dengan amanah. Hal ini menggambarkan sikap seorang doktor yang menghormati pesakit (World Health Organization. (2001). Ini juga menunjukkan bahawa doktor tersebut telah mengamalkan etika perkhidmatan perubatan yang ditetapkan oleh undang-undang dan etika Islam. Kajian lalu menunjukkan bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan ialah prosedur teknikal dalam mengendalikan pesakit, kos rawatan perubatan, dan kemudahan pesakit dalam mendapatkan maklumat kesihatan yang tepat, cepat, dan utama dalam perkhidmatan.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk untuk mencegah penyakit, memperbaiki kesihatan, menyembuhkan penyakit, dan memulihkan penyakit yang dihadapi oleh pesakit merupakan usaha bersepadu dan aktiviti berterusan untuk mengekalkan dan meningkatkan status kesihatan awam dalam mengawal penyakit, pencegahan dan peningkatan kesihatan, rawatan penyakit, dan pemulihan kesihatan oleh kerajaan dan masyarakat (M. Nursalim, 2020 dan Prasetyo, I. K. A., Wahyuni, (2021)).


Oleh hal yang demikian, perkhidmatan perubatan yang berkesan tidak mencapai matlamat sekiranya doktor dan agensi perubatan mengabaikan hak-hak pesakit untuk meneruskan atau menolak rawatan perubatan. Di Malaysia, hak-hak pesakit berkait rapat dengan prosedur *Advance Medical Directive* (AMD) dan ia masih belum dinyatakan dalam mana-mana undang-undang berkaitan. Walau bagaimanapun, terdapat Piagam Pesakit yang menggariskan hak-hak dan tanggungjawab pesakit diguna pakai oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) (Tengku Noor Azira et al., 2015). Melalui prinsip *respect for autonomy* yang juga dikenali sebagai autonomi pesakit telah memberi ruang kepada pesakit untuk berfikir dan membuat keputusan ketika menerima rawatan lanjut.

Dalam kajian ini, ia mendapati bahawa pesakit yang membuat keputusan tentang rawatannya telah menggambarkan bahawa ia selaras dengan prinsip bahawa setiap manusia bebas untuk

membuat keputusan. Keputusan pesakit adalah penting bagi pihak perubatan memahami bahawa ia juga sebagai obligasi moral yang perlu dipatuhi untuk menghormati autonomi pihak lain. Justeru menurut Zahir, M. Z. M., Zainudin & Hatta, M. (2019), perkhidmatan yang baik adalah sebahagian daripada etika perubatan dan juga merupakan satu tuntutan syariat Islam. Etika perubatan ialah aspek penting dan dilihat selari dengan etika Islam dalam memastikan perkhidmatan menjamin kesempurnaan rawatan yang diperlukan oleh pesakit.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan metode kualitatif menerusi kaedah kepustakaan sebagai rujukan utama bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan konsep, data dan maklumat penjagaan hak-hak pesakit. Kaedah temubual dengan kumpulan doktor-doktor klinik swasta terpilih juga dijalankan bagi memperkaya analisis dan mendapatkan generalisasi dapatan yang meyakinkan. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif, sesuai dengan objektif yang ditetapkan. Carta alir metodologi kajian adalah seperti di bawah:



Rajah 1.1: Fasa kajian

PERBINCANGAN

Definisi Menghormati Hak-hak Pesakit

Menghormati hak-hak pesakit merupakan satu arahan Awal Perubatan yang dikenali sebagai *Advance Medical Directive* (AMD) (Mohd Zamre et al. 2017). Menurut Htut et al. (2007), AMD ialah arahan berbentuk lisan atau bertulis tentang rawatan perubatan masa hadapan pesakit yang berhubung kait dengan penjagaan kesihatan dalam dua keadaan iaitu pesakit yang tidak mampu berkomunikasi atau tidak berkeupayaan lagi. AMD ialah dokumen yang mengandungi arahan oleh pesakit dengan menyatakan jenis-jenis rawatan yang beliau benarkan atau tidak benarkan untuk diberikan kepadanya setelah pesakit tersebut hilang keupayaan pada masa hadapan (Tengku Noor Azira et al. 2015). Oleh itu, ia boleh dikatakan sebagai satu arahan awal perubatan yang memberi pesakit kuasa dan hak untuk memilih serta membuat keputusan apa yang pesakit sendiri mahu dilakukan terhadapnya daripada aspek rawatan perubatan sebelum pesakit hilang keupayaan mental untuk berbuat demikian (Sommerville 1996).

Ini memberi pengertian bahawa pesakit harus dilayan dengan mesra seperti berkomunikasi dengan lemah-lembut dan berhemah. Hak untuk mempraktikkan amalan keagamaan juga mesti sentiasa dihormati dan dipelihara. Hak mereka untuk mendapatkan rawatan yang terbaik dan paling sesuai harus diberikan dengan tulus tanpa mengira status sosial atau keturunan mereka. Pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan rawatan terbaik dan maklumat yang sah sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan rawatan. Pesakit juga mempunyai hak terhadap undang-undang *Tort* dan elemen hak pesakit dari sudut bukan perundangan. Sebagai warganegara, pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan melalui peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 Perkara Bahagian II pada Perkara 5, 6, 7, 8, 9, 10 serta Perkara 11 (Perkara 5-13).

Hak untuk Memilih Rawatan

Keperluan terhadap persetujuan mendapat maklumat atau “*informed consent*” ialah asas untuk melaksanakan amalan etika perubatan sebagai usaha untuk melindungi pesakit daripada risiko terhadap perkhidmatan yang boleh menggugat kesihatan mereka. Sekali pun wujud undang-undang dan peraturan yang jelas dan tegas, namun timbul persoalan mengenai aplikasi persetujuan dalam konteks perkhidmatan perubatan. Ia penting untuk menyedari bahawa menandatangani borang persetujuan rawatan bukan persetujuan yang mutlak. Sekali pun persetujuan tersebut ialah satu proses, namun ia memerlukan penyediaan penjagaan kesihatan menerusi perbincangan yang akhirnya membawa kepada pemahaman pesakit tentang pilihan mereka, risiko dan faedah daripada tindakan alternatif tersebut. Terry, P. B. (2007).

Sekali pun persetujuan atau keizinan merupakan satu prinsip yang memberi penghormatan terhadap setiap pesakit melalui penyediaan maklumat yang jelas dan tepat akan membantu pesakit membuat keputusan yang betul dalam mendapatkan rawatan (*Committee on Bioethics*, 1995). Ia juga menunjukkan pesakit mempunyai hak untuk membuat pilihan dalam mendapatkan rawatan lanjut pada bila-bila masa dan di mana-mana peringkat. Oleh itu, maklumat yang mencukupi untuk membuat AMD bertulis atau lisan bertujuan memahami perkara berkaitan seperti kaedah mengambil ubat-ubatan yang ditetapkan supaya ia dapat menepati objektif, prinsip prosedur undang-undang di mahkamah Malaysia.

Hak untuk Mendapatkan Maklumat dan Persetujuan

Seorang pesakit sepatutnya mempunyai hak untuk mengenali identiti dan status profesional individu yang menyediakan perkhidmatan kepadanya dan mengetahui profesional kesihatan mana yang bertanggungjawab terhadap penjagaan dan rawatan terhadap dirinya. Profesional individu tersebut merujuk kepada doktor atau mana-mana orang yang mempunyai ijazah kedokteran, doktor pakar, atau doktor perunding yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Hal ini demikian kerana prinsip kepentingan terapeutik memainkan peranannya dalam mengecualikan doktor daripada menyampaikan maklumat berkaitan perkara yang berisiko.

Sekiranya pada pengamatan doktor, maklumat yang akan disampaikan kepada pesakit akan mendatangkan bahaya atau trauma secara tidak wajar kepada pesakit, maka ia boleh mengabaikan dan menangguhkan untuk diberitahu kepada mereka. Ini bermakna, apa-apa maklumat yang perlu disampaikan kepada pesakit terletak pada budi bicara doktor.

Namun, menurut Tom L. Beauchamp & James F. Childress, mereka menyatakan bahawa;

“Autonomy is a form of personal liberty of action where the individual determines his or her own course of action in accordance with a plan chosen by himself or herself....A person’s autonomy is his or her independence, self-reliance, and self-contained ability to decide”.

Oleh itu, dalam konteks perubatan, prinsip autonomi merujuk kepada kebebasan atau hak pesakit untuk mendapat maklumat dan membuat pilihan atau keputusan sendiri berhubung dengan apa-apa yang perlu dilakukan berkaitan perubatan dan penjagaan kesihatan mereka. Kesimpulannya, seorang doktor yang telah menjalankan tugasnya berdasarkan profesional standard, perkhidmatan standard, dan prosedur operasi standard berhak memahami keperluan seorang pesakit apabila memberi perkhidmatan rawatan.

Mendapatkan Perkhidmatan Berkualiti

Untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik, pesakit tidak hanya memerlukan rawatan profesional tetapi juga harus mendapatkan perkhidmatan yang melibatkan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan yang sempurna. Ini disokong oleh pandangan berdasarkan kajian Ngah, A. C., Baroni, A. B., & Noor, N. M. (2019) yang menyatakan bahawa maklumat pengguna mengenai ubat-ubatan dan aspek pembayaran mengenai perkhidmatan yang ditawarkan perlu dijelaskan dengan betul dan tidak menyukarkan pesakit. Sehubungan dengan itu, dalam profesion perubatan yang sudah tentu melibatkan doktor. maka seseorang doktor mesti berusaha untuk menyelamatkan dan

mempertahankan nyawa pesakit kerana ini tugas yang sentiasa berada dalam fikiran mereka.

Kualiti perkhidmatan perubatan sentiasa menjadi perhatian utama dan penting bagi hospital dan klinik sebagai memenuhi keperluan perkhidmatan dan memberi kemudahan/keselesaian kepada pesakit (Alhashem et al., 2011; Arasli et al., 2008). Menurut Kaba, R., & Sooriakumaran, P. (2007), rawatan yang diberikan kepada pesakit haruslah memberikan manfaat kepada mereka dari segi fizikal dan emosi. Oleh sebab itu, ilmu perubatan bagi seseorang doktor perlu mantap dan mempunyai asas keilmuan yang cukup untuk membuat pertimbangan baik dan buruk terhadap pesakit.

Setiap tindakan berdasarkan prinsip *maslahat* dan *mafsadah* seperti yang terdapat dalam syariat Islam. Selain itu, sekiranya pesakit memerlukan rawatan rehabilitasi, doktor perlu melakukan pendekatan untuk membantu pesakit mengatasi gangguan fizikal dan mental. Hal ini demikian kerana pesakit akan mengalami rasa rendah diri. Oleh itu, psikologi dalam terapi ini memainkan peranan yang besar dalam program rehabilitasi. Kepuasan pelanggan menjadi keutamaan dalam perkhidmatan kesihatan dan dilaksanakan dengan adil tanpa mengira statusnya. Pengurusan perkhidmatan hendaklah sentiasa sesuai dengan keselesaan dan keyakinan pesakit ketika menerima rawatan kesihatan di sesebuah pusat perubatan. Menurut Mars, M. (2020), perkhidmatan kesihatan merangkumi pelbagai kegiatan seperti sistem kesihatan, prosedur layanan, dan pendekatan amalan etika.

Mengelakkan Kemudaratan

Jika dilihat dalam prinsip Islam, ia jelas menetapkan kepada manusia bahawa dilarang untuk mendekatkan diri kepada kerosakan diri, ahli keluarga, masyarakat, malah negara. Ia tidak hanya tertakluk kepada bangsa sendiri tetapi bangsa yang lain juga. Dalam hal ini, ulama Islam telah menggariskan beberapa fatwa untuk dipatuhi, iaitu '*qawa'id fiqhiyah*' dan '*la darara wala dirar*' yang menekankan kepada menjauhkan kemudaratan dalam kalangan manusia. Ini jelas membuktikan bahawa manusia dilarang untuk melakukan sesuatu tindakan yang membahayakan

diri sendiri dan yang mencetuskan kemudaratn kepada orang lain. Firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ
رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi setelah (diciptakan) dengan baik. Berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan penuh harap. Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat kebaikan. (Al-A’raf, 56).

Manakala dalam Surah al-Baqarah ayat ke-195, Allah menyatakan:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Injakkanlah (hartamu) di jalan Allah SWT dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah SWT menyukai mereka yang berbuat baik.

Ini ditegaskan lagi melalui hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Sa’ad Ibnu Sinan al-Khudri RA bahawa baginda bersabda:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعْدُ بْنُ سِنَانٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak boleh melakukan perbuatan yang mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain”. (HR. Ibnu Majah No: 2340)

Dua firman Allah SWT dan hadis di atas menunjukkan bahawa syariat Islam telah menetapkan malah melarang seseorang itu mendedahkan dirinya kepada kemudaratn yang menyebabkan orang lain turut terdedah kepada keadaan yang sama. Oleh itu,

dalam konteks perubatan peraturan telah menekankan supaya pengamal perubatan wajib menjauhkan diri daripada berlaku kesilapan dan kecuaiannya kerana ia boleh mendedahkan kemudaratan kepada diri doktor itu sendiri dan pesakitnya. Doktor Muslim khususnya, serta doktor bukan Muslim sangat tertakluk kepada etika perubatan dan etika Islam. Penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah dengan menetapkan satu kerangka kerja berkenaan dengan sejauh mana pendedahan maklumat boleh dilakukan selari dengan standard tugas berhati-hati seorang doktor untuk menjadikan segala-galanya jelas.

Menghormati Nyawa Manusia

Sebagai hasil daripada perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi terutama kemajuan dalam bidang perubatan, kehidupan manusia dapat dilanjutkan dengan menggunakan perubatan moden seperti menggunakan alat pernafasan. Manusia sendiri dapat memutuskan sama ada mematikan atau menghidupkan pesakit. Bagi individu yang beragama Islam, mereka beranggapan dengan penuh yakin bahawa hidup dan mati manusia adalah hak dan ditentukan oleh Allah SWT. Dalam hal ini menurut Yusof, F. M., Nizar, T. J., Muhammad, S. N., & Nazir, N. M. (2013), manusia tidak mempunyai hak untuk mengakhiri hidupnya sendiri atau orang lain.

Kehidupan manusia adalah suci dan tidak boleh diambil dengan sengaja kecuali apabila dibenarkan oleh undang-undang Islam. Kesucian hidup manusia merangkumi semua peringkat termasuk embrio dan janin semasa dalam kandungan lagi yang juga harus diambil kira oleh doktor. Pengecualian hanya dibenarkan dalam keadaan terdesak (alasan perubatan) dan dibenarkan oleh undang-undang Islam. Hubungan dengan kematian yang dilakukan oleh doktor terhadap pesakit yang tiada harapan untuk hidup adalah satu tindakan memudahkan kematian yang bertujuan meringankan penderitaan pesakit secara positif atau negatif (Badu, L. 2012).

Oleh itu, menurut Arifin Rada (2013), tindakan ini dinamakan sebagai *qatl ar-rahmah* atau *taisir al-maut (euthanasia)*, iaitu perbuatan mematikan pesakit yang berada dalam keadaan sedar

dan dilakukan tanpa persetujuan pesakit dan warisnya. Namun dalam Islam, walau dalam apa jua keadaan sekali pun, perbuatan *qatl arrahmah* ke atas pesakit adalah haram. Sebilangan besar sarjana berpendapat bahawa ia sama dengan membunuh yang merupakan dosa besar dalam Islam. Menurut Mohd Ilham Ismail (2005), situasi tersebut menyatakan manusia diamanahkan untuk menjaga tubuh dengan baik mengikut jalan yang ditetapkan. Islam tidak membenarkan bunuh diri kerana manusia bukan pencipta untuk dirinya sendiri dan bukan pemilik mutlak. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl yang menjelaskan bahawa kematian mengikut waktu yang ditentukan oleh Allah SWT dan Allah SWT juga yang memiliki semua kehidupan. Firman Allah SWT:

فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْذِنُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ

Maksudnya: "Apabila sampai tempoh mereka, tiadalah mereka dapat meminta dikemudiankan sesaat pun dan tidak pula mereka dapat mendahulukannya (al-Nahl, 61)

Pengecualian hanya dibenarkan dalam keadaan terdesak (alasan perubatan) dan ia dibenarkan oleh undang-undang Islam. Seperti contoh, dalam keadaan darurat yang mana nyawa perlu diselamatkan melalui pembedahan segera atau mengambil pendekatan lain supaya doktor dapat bertindak sesuai dengan peraturan Islam iaitu "larangan yang dibenarkan apabila perlu". Kedudukannya harus baik dan selamat tanpa mengira hasil tindakannya, selagi ia mengikuti kaedah perubatan yang diterima dengan berkesan.

Ini menggambarkan bahawa aspek memelihara nyawa yang terdapat dalam prosedur penjagaan pesakit berasaskan kepada konsep *hifz al-nafs* secara umum yang melibatkan beberapa isu berkaitan dalam prosedur perubatan. *Hifz al-nafs* (memelihara jiwa) merupakan objektif syarak yang berada di tahap yang kedua selepas *hifz al-din* (memelihara agama). Ia bermaksud pemeliharaan hak jiwa dalam kehidupan dari aspek menjaga keselamatan dan kemuliaannya (Nur al-Din bin Mukhtar al-Khadimi, 2006): Ini turut dijelaskan dalam firman Allah menerusi

Surah al-Isra' ayat 70 seperti berikut :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ
الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan pelbagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.

Berlandaskan ayat di atas, kemuliaan yang diberikan oleh tuhan kepada manusia adalah dengan menyempurnakan ciptaan-Nya berbanding dengan binatang menerusi aspek penciptaan, akal, dan pemahaman yang paling sempurna. Oleh itu Idrus, A. M. (2017) menyatakan bahawa dalam tugas seorang doktor, mesti sebolehnya berusaha untuk menyelamatkan nyawa dan perlu mengetahui hadnya dan tidak melanggar had tersebut. Sekiranya dari segi perawatan yang terbaik dan diagnosis rawatan, didapati pesakit tersebut sudah tentu tidak dapat diselamatkan lagi, sokongan moral bagi melegakan kesakitan dan penderitaan perlu diteruskan. Doktor perlu berserah kepada Allah SWT dengan terus memberi bantuan perubatan yang sesuai kepada pesakit tersebut. Doktor mesti meminta persetujuan pesakit untuk memaklumkan kedudukan penyakitnya yang tidak akan sembuh lagi.

Walau bagaimanapun, cara untuk menjelaskannya perlu dengan penuh psikologi terhadap pesakit itu. Tugas doktor adalah untuk mengekalkan proses hidup dan bukan proses kematian. Pembangunan kesihatan adalah sebahagian daripada pembangunan negara. Dalam pembangunan kesihatan, matlamat yang ingin dicapai adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan awam yang optimum. Prinsip penjagaan kesihatan awam mengutamakan perkhidmatan promotif dan pencegahan. Perkhidmatan promosi ialah usaha untuk meningkatkan kesihatan awam ke arah yang lebih baik (Susilowatie, E., & Rattanapun, S. (2023).

DAPATAN DAN RUMUSAN

Secara umumnya, AMD boleh dianggap sebagai alat yang penting dalam melaksanakan hak-hak pesakit. Walaupun AMD masih kurang diketahui dan masih lagi ketinggalan di Malaysia berbanding United Kingdom, ia tidak boleh dinafikan bahawa kini terdapat pesakit yang mempunyai kesedaran mengenai perlunya menyediakan AMD. Dari sudut perspektif Islam, penjagaan hak-hak pesakit dalam perubatan merupakan satu kewajiban pusat perubatan. Doktor serta kakitangan yang turut terlibat ialah mereka yang akan menerima kesan jika berlaku kelalaian dalam tugas tersebut. Jadual 1.1 adalah merupakan ringkasan prinsip etika perkhidmatan Islam bagi seseorang doktor.

Jadual 1.1: Prinsip etika Islam

Etika	Prinsip
Memberi manfaat	Mengatasi gangguan emosi, fizikal dan mental(Alhashem et al., 2011; Arasli et al., 2008).
Mengelak kemudaratan	Melarang mendedahkan diri kepada kemudaratan (Ibnu Majah)
Menghormati nyawa manusia	Memelihara nyawa melalui prosedur dan konsep Hifz al-Nafs (Idrus, 2017))
Menghormati hak-hak pesakit	Melayan dengan ramah mesra dan berhemah (Nur al-din bin Mukhtar al-Khadimi, 2006)

Oleh itu, seorang pengamal perubatan perlulah sentiasa sedar akan hal ini kerana ia termasuk dalam etika perubatan moden iaitu *rights* (justice) yang bermaksud menghormati pesakit dan hak-hak mereka. Menjaga hak-hak pesakit dalam perubatan merupakan hak seorang pesakit Muslim. Tambahan pula, seorang pengamal perubatan moden mahupun tradisional juga mempunyai etika perkhidmatan perubatan yang perlu dipatuhi sewaktu memberikan rawatan terhadap pesakit.

Terdapat etika perubatan moden selaras dengan etika perubatan Islam yang boleh diaplikasikan oleh semua doktor Muslim dalam menjaga hak-hak pesakit dalam perubatan. Di

samping itu, menjaga hak-hak pesakit merupakan salah satu kepentingan asasi seorang Muslim.. Oleh itu, masyarakat perlulah mengambil berat akan hal ini demi menjamin kelangsungan syariat Islam.

Dalam hal ini, masyarakat juga sebenarnya sebagai pelaksana pembangunan manakala kerajaan berkewajipan mengarahkan, membimbing dan mewujudkan suasana yang menyokong, dan melengkapi setiap satu lain dalam satu langkah ke arah mencapai matlamat (Sri Hartini, Tedi Sudrajat, dan R. 2012), maka prosedur biasa bagi menentukan persetujuan akan dapat memastikan penghormatan terhadap autonomi pesakit. Justeru, kod etika perubatan boleh diperoleh daripada undang-undang asas tetapi dengan aplikasi terperinci dengan memerlukan suatu usaha intelektual, 'ijtihad' daripada para doktor. (Kasule, Theory and Principle of Islamic Medical Ethics, 2002).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, perkara-perkara seperti kod amalan, mengawal tingkah laku profesional, mendapatkan maklumat kesihatan yang tepat, cepat, tepat dan utama dan perkhidmatan. mencegah penyakit, memperbaiki kesihatan, menyembuhkan penyakit, dan pulih adalah sangat penting kepada pesakit. Hal ini demikian kerana dalam pembangunan kesihatan, matlamat yang ingin dicapai adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan awam yang optimum. Semua kes yang melindungi nyawa mempunyai keutamaan yang sepatutnya diambil perhatian serius bagi memastikan ia tidak membawa maut kepada pesakit. Analisis di atas menunjukkan bahawa etika perubatan berkaitan dengan hak-hak individu dianalisis dan diselesaikan menggunakan tujuan dan prinsip-prinsip syariat dan etika Islam.

RUJUKAN

al-Sibac i, Dr. Zahir Ahmad (1997M), al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh, Damsyik: Dar al-Qalam, h.39-41.

- Amir, N., & Damayanti, A. R. (2022). Legal Aspects of Medical Practice Implementation: Disputes of Code Of Ethics In Handling Patients Health Social Security Administering Agency. *Constitutional Law Society*, 1(1), 62-77.
- Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *al-Ulum al-Sulukiyyah Wa al-Insaniyyah Fi al-Tibb*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah, h. 267.
- Hartini, Tedi Sudrajat, dan R. (2012). Model Perlindungan Hukum Terhadap Kebijakan Pelayanan Kesehatan Masyarakat Miskin di Kabupaten Banyumas. *Jurnal Dinamika Hukum*, 12(3), 1.
- Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman: Dar al-‘Arqam, h.41.
- Ibrahim Al Ayed. What Makes Patients Leave Against Medical Advice? *J T U Med Sc* 2009; 4(1): 16- 22.
- Jatana, S. K., Soe, H. H. K., Phyu, K. L., Lwin, H., & Than, N. N. (2018). A Survey On Knowledge and Attitudes Towards Medical Ethics among Undergraduate Medical Students. *Education*, 8(3), 48-53.
- Mohamad, A. B., & Ismail, N. (2018). Asas Tanggungan Pengamal Perubatan dalam Undang-Undang Islam Menurut Fuqaha. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(1), 8-15.
- Nawi, M., & Ngah, A. C. (2011). Skop Kelakuan Buruk dalam Kod Kelakuan Profesional 1987: Satu Analisis Menurut Etika Perubatan Islam. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 15, 53.
- Prasetyo, I. K. A., Wahyuni, R., Lirungan, T. T., & Ariyanto, B. (2021). Medical Service Management Analysis in the Specialist Medical Centre. *Hang Tuah Law Journal*, 1-10.
- Susilowatie, E., & Rattanapun, S. (2023). Legal Protection of Patients in Healthcare Services: Ensuring Quality And Safeguarding Patients'rights. *Novateur Publications*, 2, 117-124.
- Terry, P. B. (2007). Informed Consent in Clinical Medicine. *Chest*, 131(2), 563-568.
- Tom L. Beauchamp & James F. Childress, 1979. *Principles of Biomedical Ethics*. Edisi-1. New York: Oxford University Press, hlm. 56.